

# UMNO pastikan Melayu maju

## Najib tolak dakwaan gagasan 1Malaysia tidak ada agenda Bumiputera

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak, berkata UMNO akan terus memastikan orang Melayu dan Bumiputera muncul sebagai bangsa yang maju apabila Malaysia mencapai status negara maju dalam tempoh 10 tahun lagi.

Sambil menolak dakwaan gagasan 1Malaysia yang sedang dilaksanakan tidak mempunyai agenda Melayu, Presiden UMNO itu memberi jaminan, parti itu akan tetap memastikan agenda Melayu dan Bumiputera dilaksanakan.

"Dalam konteks negara maju, kita mesti pastikan agenda Melayu terlaksana dan orang Melayu juga berjaya dan dianggap sebagai bangsa yang mencecah taraf bangsa yang maju.

"Jadi, siapa kata kita tak ada agenda Melayu atau agenda Bumiputera... memang kita ada," katanya dalam nada yang tegas ketika ucapan penggulungan Perhimpunan Agung UMNO 2011, di sini semalam.

Najib menegaskan, ketika menggarap gagasan 1Malaysia, beliau tidak pernah menyatakan agenda Melayu dan Bumiputera akan diketepikan.

'Apabila saya turun ke bawah, ke



NAJIB bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Timbalan Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yasin serta isteri, Puan Seri Norainee Abdul Rahman memotong pulut kuning selepas Perhimpunan Agung UMNO 2011 ditangguhkan di PWTC, semalam.

ladang, estet, kampung baru Cina bukan bererti saya kurang komitmen untuk perjuangkan kepentingan orang Melayu dan Bumiputera.

"Saya lakukan perkara ini sebab kita mesti menentukan bahawa Malaysia mendapat sokongan semua kumpulan etnik kerana masa depan

UMNO juga bergantung kepada orang lain," katanya.

Selain memastikan agenda Melayu dan Bumiputera dilaksanakan, Najib berkata, sebagai Perdana Menteri, beliau perlu membuat perancangan rapi, teliti dan kemas untuk memajukan ekonomi negara selaras

dengan roh perjuangan UMNO.

Katanya, selain ahli UMNO, rakyat menilai kepemimpinan negara sama ada secara senyap atau terbuka.

"Sebab itulah, kita buat macam-macam perkara untuk mencapai negara maju, kita ada pelan Program



Transformasi Ekonomi (ETP), kita dah kira RML3 trilion pelaburan dalam masa 10 tahun, kita akan memastikan pertumbuhan ekonomi lima ke enam peratus setahun.

"Kita dah tentukan projek untuk capai taraf negara maju dan dan Alhamdulillah dengan adanya pelancaran dan pelaksanaan sedemikian, apabila ekonomi Eropah merudum, apabila Amerika Syarikat berada dalam keadaan tidak menentu, kita di Malaysia Alhamdulillah ekonomi kita mapan dan stabil serta dapat menunjukkan pertumbuhan yang baik," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kejayaan itu bukan miliknya secara peribadi, sebaliknya kepemimpinan UMNO pada hari ini.

"UMNO sekali lagi membuktikan bahawa dalam apa juga keadaan, rakyat boleh letakkan harapan kepada kita untuk memimpin bangsa di Malaysia sebab kita tak pernah kecewakan rakyat... kita tak pernah bohongi rakyat," katanya.